

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING
[PENAMPANG]**

TARIKH : 9 JUN 2014

SOALAN :

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan warga Sabah yang berkhidmat di Jabatan Perkhidmatan Awam Persekutuan dan nyatakan bilangan pecahan mengikut gred dan pangkat rasmi mereka.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pengisian terkini pegawai kelahiran Sabah dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan sehingga Mac 2014 adalah seramai **108,947 pegawai**. Maklumat terperinci pengisian mengikut kumpulan perkhidmatan adalah seperti berikut:

i) Pengurusan Tertinggi

Sejumlah **83 orang** yang terdiri daripada pegawai-pegawai di Gred JUSA C/ Gred Khas C hingga ke Gred Turus I. Antara jawatan yang terlibat ialah:

- (a) Peguam Negara
- (b) Duta Besar
- (c) Hakim
- (d) Ketua Pengarah
- (e) Timbalan Ketua Pengarah
- (f) Naib Canselor
- (g) Pakar Perubatan
- (h) Pengarah-Pengarah di Peringkat Negeri
- (i) Professor-Professor di Universiti

ii) **Pengurusan dan Profesional**

Sejumlah **21,626 orang** terdiri daripada pegawai di Gred 41 hingga Gred 54. Jawatan bagi Gred 54 yang antaranya terdiri daripada:

- (a) Pengarah Hospital
- (b) Pengarah-Pengarah di Peringkat Negeri
- (c) Pengarah-Pengarah Bahagian di Kementerian/ Jabatan/ Agensi
- (d) Timbalan Pengarah
- (e) Professor Madya di Universiti
- (f) Guru
- (g) Pensyarah
- (h) Doktor
- (i) Jurutera
- (j) Dan Lain-lain

iii) **Kumpulan Pelaksana**

Sejumlah **87,238 orang** terdiri daripada pegawai Gred 11 hingga Gred 40 dalam pelbagai jawatan daripada Pembantu Am Pejabat, Perkeranian hingga kepada Guru dan lain-lain yang berkelayakan masuk Diploma dan ke bawah.

Sekian. Terima kasih.